

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/1974**

=====

LAND RULE 7

Perhatian Pemungut adalah ditarik kepada tempoh bayaran yang ditetapkan di dalam keadah-kaedah Tanah Negeri Selangor 1966 yang berbunyi:-

7. The period to be specified in form 5A for the purpose of rule 5 shall be three months. The collector may in any particular case he deems fit grant any extension :-

Provided that the period of extension or extensions so granted shall Not in the aggregate exceed nine months.

2. Mengikut butir 7 di atas untuk tempoh bayaran harga tanah dan lain-lain hendaklah ditetapkan tiga (3) tiga bulan di dalam Borang 5A. Rayuan untuk melanjutkan masa pada satu-satu kali bolehlah dibenarkan tidak lebih daripada 3 bulan yang bermakna 3 rayuan sahaja yang boleh dipertimbangkan. Apabila habis tempohnya maka kelulusan yang diberi oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah terbatal dengan sendirinya. Pemungut hendaklah membuat rekod ini di dalam fail yang berkenaan dan Daftar Buku Permohonan Tanah.

3. Untuk makluman Pemungut diperturunkan surat menyurat diantara Pengarah Tanah dan Galian Selangor dengan Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor:-

Y.B Penasihat Undang-undang Negeri Selangor,

Mengikut seksyen 81(2) Kanun Tanah Negara keputusan MMK. "shall thereupon Lapse" sekiranya bayaran yang dikehendaki tidak dijelaskan dalam masa yang tertentu. Masa yang tertentu ini telah pun ditetapkan mengikut Land Rule 7.

2. Nasihat tuan dikehendaki ialah jika bayaran tidak dibuat:-

(a) Sama ada keputusan MMK terbatal dengan sendirinya

(b) Sama ada keputusan MMK mesti ditarik balik oleh MMK.

3. Mengikut S1.P.U.43/29.12.66 berkaitan dengan Enakmen Melombong perenggan 1 (viii) dan (ix) keputusan MMK dengan sendirinya batal jika pembayaran premium dan lain-lain tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditentukan.

T.T

(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

PTG.Sel.Sulit.0.132(81)

Kuala Lumpur
30hb November 1974